

Ayat cinta jerat keldai dadah

Blt 19/8/11 MZ

Sindiket juga perdaya wanita dengan percutian percuma ke luar negara

EKSKLUSIF

Oleh Halina Mohamed Noor
dan Nurul Farina Nazlan
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Termakan dengan ayat cinta dan pujukan manis lelaki asing, ramai wanita Malaysia terjerumus dalam perangkap sindiket dadah antarabangsa yang akhirnya menyaksikan mereka merengkok dalam penjara di seluruh dunia.

Kebanyakan mereka juga terpedaya dengan janji percutian menarik ke beberapa negara seperti China, Jepun dan Amerika Selatan tanpa menyedari mereka terperangkap dalam jenayah.

Atas nama percutian percuma itu juga sebahagian mereka sama ada disedari atau tidak menyeludup dadah dan menjadi keldai dadah.

Statistik Bahagian Konsular Kementerian Luar menunjukkan 840 rakyat Malaysia ditahan kerana kesalahan dadah, dengan Thailand mencatatkan jumlah tahanan paling tinggi seramai 272 orang, diikuti Singapura (171), Taiwan (125) dan China (82).

Rakyat Malaysia juga merengkok di penjara negara Amerika Latin seperti Peru dan Venezuela yang masing-masing mencatat lapan tahanan, manakala tujuh lagi ditahan



ROSNA antara keldai dadah yang tertipu dengan umpan lawatan ke luar negara. - Gambar fail



Kohilan Pillay

Beliau berkata, kebanyakan keldai dadah dibayar sehingga RM10,000 bagi setiap perjalanan menyeludup dadah ke luar negara, dan mereka yang terlepas menjadi kaya dalam masa singkat.

"Ada sindiket yang menggunakan penghantar surat sebagai keldai dengan memberikan upah dua kali ganda daripada gaji asal. Mangsa selalunya tidak sedar kecacikan sindiket itu kerana menyangka mereka hanya menghantar surat atau dokumen penting ke luar negara.

"Kebanyakan wanita pula mudah terperangkap dengan sikap prihatin dan cinta yang ditonjolkan lelaki asing, kebanyakannya 'Awang Hitam' membuatkan mereka termakan dengan godaan mereka," katanya kepada *Berita Harian* ketika ditemui di Wisma Putra, baru-baru ini.

INFO

Keldai dadah

- 840 rakyat Malaysia ditahan di luar negara sehingga April 2011 atas kesalahan dadah
- Wanita 20 hingga 30 tahun selalu jadi mangsa sindiket dadah
- 70 warga Malaysia tunggu hukuman mati bagi pelbagai kesalahan jenayah termasuk dadah iaitu di China (19), Singapura (29) dan Thailand.
- Kebanyakan keldai dadah dibayar sehingga RM10,000.

di Argentina.

Analisis menunjukkan kebanyakan mereka berusia 20 hingga 30 tahun, tiada rekod jenayah di negara ini, tidak bekerja atau pekerjaan berpendapatan rendah serta latar belakang keluarga yang kurang berkemampuan.

Ketika ini, 70 warga Malaysia menunggu hukuman mati bagi pelbagai kesalahan jenayah termasuk dadah iaitu di China (19 orang), Singapura (29 orang), Thailand (21) dan seorang di Indonesia.

Timbalan Menteri Luar, Senator A Kohilan Pillay, berkata selain faktor cinta dan percutian mewah, punca lain mangsa mudah terjerat dengan jenayah dadah disebabkan keinginan cepat kaya.